

# Dakwat kekal dibenar syarak

» *Majlis Fatwa sahkan bahan suci, tak jejas kesihatan*

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
mnasaruddin@mediaprima.com.my

► Kuala Lumpur

**D**akwat kekal yang akan digunakan pada PRU-13 dibenarkan syarak.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Tan Sri Dr Abd Shukor Hussin, berkata dakwat itu yang mengandungi bahan 'silver nitrate' tidak mengandungi najis, tidak memudaratkan kesihatan dan tidak menghalang air sampai ke kulit selepas dicalit pada anggota.

Majlis membuat keputusan itu pada 8 Ogos 2007.

"Keputusan (fatwa) tetap sama seperti diputuskan sebelum ini. Ini dibuat selepas mendengar penjelasan Jabatan Kimia dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dakwat ke-

kal diuji itu dibenarkan syarak kerana tidak menimbulkan masalah kepada umat Islam untuk melaksanakan ibadat," katanya kepada BH, semalam.

Mesyuarat itu dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha, wakil SPR, Jabatan Kimia dan mufti seluruh negara.

## Dakwat berbeza

Penggunaan dakwat kekal adalah usaha SPR menambah baik pelaksanaan pilihan raya selepas dipersetujui Jawatankuasa Pemilih Parlimen Bagi Menambah Baik Proses Pilihan Raya.

Dakwat kekal 'silver nitrate' adalah berbeza seperti yang dicadangkan pada PRU-12. Dakwat dibeli bagi PRU-12 itu dilupuskan menerusi proses pembakaran pada November 2009 berikutan faktor keselamatan dan perundangan.

Ditanya perlu mesyuarat semula bagi menentukan hukum baru jika dakwat yang diguna pada PRU-13 tidak sama seperti diputuskan pada 2007, Abd Shukor berkata, Majlis Fatwa dimaklumkan bahawa SPR menggunakan dakwat kekal mengandungi bahan sama seperti sebelum ini.



## Dakwat

## Pilihan

## Raya



- ▶ Kalis air.
- ▶ Tidak boleh dihilangkan dengan peluntur.
- ▶ Warna dan tempoh luntur berbeza.
  - » 200,000 botol pada hari pengundian (luntur empat hari).
  - » 10,000 botol untuk pengundi awal (luntur tujuh hari).
- ▶ Tidak menghalang air ke kulit ketika wuduk.
- ▶ Hukum harus oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan pada 8 Ogos 2007.
- ▶ Tidak mengakibatkan alahan atau jangkitan kulit.
- ▶ Warna dirahsiakan SPR untuk mengelakkan penipuan.
- ▶ Tempoh luntur dan warna berbeza untuk pengundi awal/pos dengan pengundi biasa.
- ▶ Dicalit pada jari telunjuk dan kuku tangan kiri.
- ▶ Kering kira-kira seminit selepas dicalit.
- ▶ Kos RM5 juta.